



21 JAN, 2026

Pendidikan jalan keluar kemiskinan

SelangorKini, Malaysia



Elak murid tercicir pelajaran

Pendidikan jalan keluar kemiskinan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Seramai 120 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan di Dewan Undangan Negeri Kota Kemuning menerima bantuan tunai RM100 seorang melalui program Kembali ke Sekolah.

Wakil rakyatnya S Preakas memberitahu inisiatif tahunan itu bertujuan memastikan tiada pelajar tidak tercicir daripada menerima pendidikan akibat kekangan kewangan.

"Agenda pendidikan ini amat penting, sebab itu bantuan ini diadakan setiap tahun. Sekiranya ada keluarga yang memerlukan, datang sahaja ke pejabat. Kita akan bantu," katanya.

Beliau menelaaskan sumbangan tersebut disalurkan terus supaya ibu bapa dapat membeli keperluan penting mengikut keutamaan masing-masing.

Ibu tunggal, J Sunita, 47, yang menanggung tiga anak bersekolah sejak sembilan tahun lalu menyifatkan sumbangan itu membantunya beli keperluan persekolahan anak-anaknya.

Suri rumah Rohani Yahya, 44, yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami turut bersyukur lantaran keluarganya menerima bantuan persekolahan untuk kali kedua.

"Dapatlah beli beg, baju dan alat tulis untuk tiga anak yang bersekolah," katanya lagi.

Rozana Othman, 44, pula gembira berikutan permohonan bantuan persekolahan yang dipohonnya diluluskan selepas tidak bernasib



baik pada tahun lalu.

"Suami pemandu lori, dengan kos kelengkapan sekolah semakin tinggi, memang tidak mampu beli semua serentak. Jadi bantuan ini sangat bermakna," katanya.

Keceriaan sama turut dirasai 150 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah di Kinrara yang turut menerima bantuan tunai RM100 seorang.

Sumbangan itu disalurkan menerusi program Ceria Ke Sekolah tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang menumpukan kebajikan pelajar dari kalangan golongan kurang berkemampuan.

Ahli Dewan Negeri Kinrara Ng Sze an berkata bantuan tersebut diserahkan secara terus kepada keluarga pelajar terlibat bagi memastikan keperluan persekolahan asas dapat dipenuhi.

Beliau berharap sumbangan berkenaan berupaya meredakan beban kewangan ibu bapa sekali gus menyuntik semangat anak-anak untuk memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin dan ceria.

Program Ceria Ke Sekolah antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat TNB yang dijalankan di kawasan terpilih.